

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
  2. Satu kumpulan mempunyai empat orang ahli.
  3. Setiap kumpulan akan diberi potongan kad Main Peranan.
  4. Apabila wisel dibunyikan, wakil setiap kumpulan perlu mencari sebahagian potongan kad Main Peranan yang sama bentuk di dalam kotak ajaib dan cantumkan.
  5. Kumpulan yang dapat mencantumkan kad dahulu akan memulakan lakonan.
  6. Setiap kumpulan diberi masa 10 minit untuk membuat persediaan lakonan.
  7. Apabila wisel kedua dibunyikan, kumpulan perlu bersedia untuk memulakan lakonan.
  8. Lakonkan cara menghormati kepelbagaian budaya dalam hidup bermasyarakat.
  9. Contoh situasi untuk kad Main Peranan :

**Watak** : Aminah (Melayu), Ah Chong (Cina), Rani (India)  
**Situasi** : Rakan-rakan menghadiri majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri. Mereka memakai pakaian sopan dan menikmati pelbagai juadah dengan penuh hormat.  
**Peranan** : Tunjukkan cara beradab semasa menikmati makanan dan berbual tentang perbezaan budaya dengan penuh hormat.

**Watak** : Murid pelbagai kaum (Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan)  
**Situasi** : Murid-murid menyertai persembahan tarian tradisional sempena Hari Malaysia.  
**Peranan** : Bincangkan kepentingan mempelajari dan menghormati budaya kaum lain melalui persembahan.

**Watak** : Pelancong dan penduduk setempat  
**Situasi** : Seorang pelancong bercakap dengan kuat di kuil semasa upacara keagamaan berlangsung.  
**Peranan** : Tegur pelancong secara sopan dan berikan penerangan tentang pentingnya menghormati tempat ibadah.

**Watak** : Kumaran, Johan, Ah Keong  
**Situasi** : Kumaran menjemput rakan ke rumahnya sempena sambutan Deepavali. Johan dan Ah Keong bertanya tentang maksud kolam beras yang berwarna-warni dan adat perayaan tersebut.  
**Peranan** : Lakonkan perbualan tentang menghormati serta belajar budaya rakan lain dengan penuh minat.

10. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan aktiviti murid.